



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

INFO US\$AHAWAN

PENAUNG:

DR ROSMAN MAHMOOD

CHIEF EDITOR/KETUA EDITOR:

PUAN NIK FAZLIN HIRYATI NIK JAAFAR

MANAGING EDITOR/EDITOR URUSAN:

CIK NOOR MALINJASARI BINTI ALI

EDITOR

PUAN SUZILA MAT SALLEH
PUAN NASIHA ABDULLAH
PUAN NORHAYATI HUSIN
PUAN ROSEZIAHAZNI ABD GHANI
PUAN 'ATIQA RASHIDAH ABU SAMAH
PUAN HASMIDA MOHD NOOR
PUAN RASLINA MOHAMED NOR
PUAN SITI FATIMAH MARDIAH HAMZAH
ENCIK WAN AHMAD KHUSAIRI WAN CHEK

DESIGNER/PEREKABENTUK

ENCIK ABDUL RANI JUSOH
PUAN NOOR HAFIZA MOHAMMED

EDISI
27

No issn:1823-6421

Sumbangan Industri Kotej Kepada Masyarakat Luar Bandar Sarawak

Azura Ahmad¹, Susana Narawi¹,
Saifulrizan Norizan¹, Nur Izyan Ismail¹.

¹Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Sarawak

*Koresponden: saifulrizan@uitm.edu.my

Industri Kotej (IK) merupakan sebuah industri dimana operasi utamanya terletak di kawasan rumah atau zon luar bandar (Gralton, 2007). Secara amnya, IK adalah industri bersaiz mikro dan diuruskan bersama ahli keluarga pemilik. Kewujudan IK terutama di kawasan luar bandar adalah amat penting kerana ia memberi impak besar bukan sekadar kepada pemilik IK tetapi juga dapat meningkatkan ekonomi masyarakat setempat.

Kebanyakan penduduk di luar bandar tidak mempunyai pekerjaan tetap dan lebih tertumpu kepada pekerjaan sebagai petani atau nelayan. Kewujudan IK secara tidak langsung membolehkan hasil pertanian dan perikanan tidak menghadapi isu pemasaran kerana kerap kali ia merupakan bahan mentah bagi IK. Menurut kajian yang dijalankan oleh Raof, et.al. (2020), IK adalah merupakan perusahaan sebagai siri proses yang menghubungkan produk mentah daripada petani kepada produk makanan untuk pengguna. Buah-buahan mentah, sayur-sayuran, bijirin, daging, makanan laut dan produk tenusu segar daripada pembekal melalui beberapa siri proses pembuatan untuk menyediakan produk tersebut dijual kepada orang ramai.

Antara contoh IK di Sarawak dimana bahan mentah datang dari hasil pertanian setempat adalah IK dalam pembuatan kerepek pisang dan ubi terutama di kawasan Asa Jaya dan Samarahan. Manakala IK dalam pembuatan keropok di daerah Lundu mendapat bekalan ikan dan udang dari para nelayan setempat. Dua lagi IK yang terkenal di Sarawak dimana bekalan didapati dari kawasan paya adalah pembuatan gula apong di Kabong dan pembuatan sago/tabaloi di Mukah.

IK secara tidak langsung memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat untuk menjana pendapatan mereka sendiri disamping bebas melakukan aktiviti-aktiviti yang lain (Idris, 2012). Kebanyakan gender yang terlibat dalam IK ini terdiri daripada kaum wanita amnya seperti suri rumah tangga, anak-anak lepasan sekolah, kaum ibu dan lain-lain. Mereka bekerja secara sambilan di samping menguruskan keperluan rumah-tangga mereka. Mereka juga tidak terikat kepada masa puncak dan sebagainya dalam melakukan aktiviti-aktiviti tersebut. Melalui IK,



mereka yang terlibat dapat membantu keluarga menjana pendapatan dan meringankan bebanan kepada ketua keluarga menyediakan keperluan hidup. Kebanyakan daripada mereka bekerja secara sambilan bagi memenuhi keperluan ini.

Kerjasama yang erat dan utuh seperti sebuah keluarga dapat dipupuk melalui IK ini. Semua pekerja akan bekerjasama dan berganding bahu bagi mengeluarkan produk yang berkualiti dan eksklusif ini. Ada dikalangan pekerja ini sangat berpengalaman dalam penyediaan produk IK dan bertindak sebagai tenaga pengajar kepada pendatang baru yang bakal berkecimpung dalam bidang yang sama kerana tradisi perlu diteruskan. Suasana kerja yang sangat kondusif dan kemudahan mobiliti pekerja menyebabkan mereka mudah untuk mendapatkan sumber buruh di dalam industri ini.

Kesimpulannya, IK ini sememangnya dapat memberi nafas baru kepada masyarakat luar bandar dan seterusnya meningkatkan pendapatan per kapita negara. Oleh itu pihak yang terbabit mestilah memastikan penduduk di luar bandar diberikan bantuan dan kemudahan yang secukupnya untuk meningkatkan hasil IK ini. Para pengusaha industri ini juga haruslah melakukan anjakan paradigma selaras dengan keadaan semasa supaya industri di negara ini dapat dimajukan ke tahap yang maksimum dan mampu mengharumkan nama Malaysia di mata dunia.

Rujukan

[1] Gralton, A. (2007). *Endogenous Regional Development: Cottage Industries in Tasmanian Agriculture*. Degree of Doctor of Philosophy, University of Tasmania, Tasmania, Australia. Retrieved from eprints.utas.edu.au/8039/2/02Whole.pdf

[2] Idris, A. (2012). *Globalisation and Socio-economic Development in Malaysia: Wither Small Businesses?* *Asian Journal of Business and Accounting*, 5(1), pp. 109-127.

[3] Mohd Raof, N., Ab Rahim, S., Mukhtar, D., & Muhammad, M. Z. (2020). *The Challenges For Small Medium Enterprise (SME) In The Cottage Industries*. *Advanced International Journal of Banking, Accounting and Finance (AIJBAF)*.

